

08 NOVEMBER 2017

## Rumah mewah jadi makmal proses dadah



**Shamsul Amar (dua dari kanan)** menunjukkan hasil rampasan hasil pembongkaran makmal memproses syabu di sekitar Klang, pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah Klang Selatan, semalam.

[ FOTO INTAN NUR ELLIJANA ZAKARIA / BH ]

# Rumah mewah jadi makmal proses dadah

Polis tahan lima suspek dalam serbuan di tiga lokasi, rampas peralatan RM110,000

Oleh Norzamira Che Noh  
bhnews@bh.com.my

Klang

**S**ekumpulan empat lelaki dan seorang wanita dipercayai menjadikan kawasan sunyi dan belum diduduki sepenuhnya di Bandar Botanic di sini, sebagai makmal memproses dadah jenis syabu dengan menyewa sebuah rumah teres mewah tiga tingkat.

Ketua Polis Daerah Klang Selatan Asisten Komisioner Shamsul Amar Ramli, berkata kegiatan jenayah kumpulan itu terbongkar selepas polis menahan suspek dalam tiga serbuan yang seterusnya membawa kepada pememuan makmal memproses dadah itu.

Dalam serbuan pada

Khamis lalu, sepasukan anggota dan pegawai dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Selatan menyerbu tiga lokasi iaitu Pandamaran, Taman Sejati dan Bandar Botanic.

"Empat suspek termasuk seorang wanita ditahan di Pandamaran, manakala seorang lagi ditahan di Taman Sejati. Penahanan lima suspek itu yang berusia 18 hingga 53 tahun membawa kepada pememuan makmal memproses dadah di rumah teres mewah di Bandar Botanic," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

**Nilai rampasan RM450,000**

Shamsul berkata, polis turut merampas 100 gram dadah jenis syabu, 3.85 kilogram minyak meth (syabu) serta peralatan makmal untuk memproses dadah dengan nilai rampasan berjumlah RM110,000.

"Kita menjangkakan 1.5 kilogram syabu boleh dihasilkan dengan menggunakan minyak meth yang dirampas itu. Kami percaya dadah yang diproses itu untuk pasaran tempatan," katanya.

Polis menyatakan masing-masing sebuah Toyota Estima, Toyota Wish dan Toyota Vios serta empat bentuk cincin warna kekuningan dan wang tunai berjumlah RM1,600. Nilai sitaan harta dianggar bernilai RM450,000.

Tiga suspek lelaki yang ditahan didapati positif dadah methamphetamine dan kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadaan Berbahaya 1952.

Dua suspek diremahan hingga hari ini, manakala reman tiga lagi suspek berakhir pada Jumaat ini.